





STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN, SUKU KEDUA 2025


Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, ST2 2025




Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor




Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan - Bulanan



3 Teratas Kapasiti Penggunaan mengikut Negeri





Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Negeri





3 Teratas Kapasiti Penggunaan - Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik

Industri Berorientasikan Eksport



Industri Berorientasikan Domestik



Nota: * termasuk W.P. Putrajaya | W.P. - Wilayah Persekutuan | KL - Kuala Lumpur | ST - Suku Tahun | t.t.t.l - Tidak Terkelas di Tempat Lain



Kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencapai kadar 82.5 peratus pada suku kedua 2025

- Industri Pembuatan mencatat kapasiti penggunaan 82.5 peratus pada suku kedua 2025, meningkat 0.4 mata peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST2 2024: 82.1%). Pada suku tahun ini, kesemua subsektor mencatatkan kapasiti penggunaan melebihi 80 peratus dengan kadar tertinggi direkodkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka sebanyak 83.5 peratus, meningkat 1.2 mata peratus. Ini diikuti dengan peningkatan 2.8 mata peratus dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau dengan kadar 83.3 peratus. Perbandingan suku tahun ke suku tahun, kapasiti penggunaan industri Pembuatan meningkat 0.7 mata peratus (ST1 2025: 81.8%). Ini adalah selari dengan prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian bagi sektor Pembuatan yang meningkat 0.4 peratus suku tahun ke suku tahun pada suku berkenaan.
- Peningkatan tahun ke tahun dalam prestasi kapasiti penggunaan bulanan direkodkan sepanjang suku kedua 2025 iaitu April 2025 (81.1%; +0.8 mata peratus), Mei 2025 (82.9%; +0.2 mata peratus) dan Jun 2025 (83.6%; +0.4 mata peratus).
- Pada suku kedua 2025, kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat 0.3 mata peratus tahun ke tahun kepada 81.6 peratus (ST2 2024: 81.3%). Kadar tertinggi dicatatkan dalam subsektor Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l.; dan Pembuatan perabot yang masing-masing meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 88.8 peratus dan naik 1.3 mata peratus kepada 87.1 peratus. Namun begitu, industri yang merekodkan kapasiti penggunaan di bawah 80 peratus iaitu Pembuatan kayu & produk kayu & gabus, kecuali perabot, pembuatan bagi artikel jerami & bahan-bahan anyaman (75.0%). Berbanding suku pertama 2025, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport memulih 1.0 mata peratus daripada 80.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.



- Pada masa sama, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik meningkat 0.7 mata peratus kepada 84.4 peratus pada suku kedua 2025. Kebanyakan industri dalam segmen ini mencatatkan kadar kapasiti penggunaan tertinggi terutamanya ialah Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler (88.2%); dan diikuti oleh Pembuatan produk prosesan makanan (86.1%). Sementara itu, kadar kapasiti penggunaan terendah dicatatkan oleh industri Pembuatan kertas & produk kertas dengan 75.9 peratus. Faktor-faktor seperti permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pembaikan & penyelenggaraan mesin & kelengkapan kekal sebagai punca utama kepada kapasiti penggunaan tidak penuh dalam industri Pembuatan. Berbanding suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik menurun 0.1 mata peratus daripada 84.5 peratus.
- Kadar kapasiti penggunaan industri Pembuatan bagi lapan buah negeri telah melepasi kadar nasional pada suku pertama tahun 2025, iaitu WP Labuan (92.7%); Terengganu (90.1%); Melaka (87.7%); Negeri Sembilan (85.9%); Johor (85.1%); Pahang (84.6%); Selangor (84.0%); dan Kedah (82.9%). Manakala, kadar kapasiti penggunaan terendah dicatatkan oleh negeri Perlis sebanyak 58.5 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.

